

13 NOV 1999 Wanita BN diminta main peranan penting 27

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) memainkan peranan utama memberikan penjelasan yang sebenar kepada rakyat mengenai negara dalam kempen pilihan raya ke-10 kali ini.

Pengerusi BN itu berkata, Wanita BN boleh memainkan peranan penting kerana kaum wanita merangku-mi 54 peratus daripada jumlah pemilih yang berdaftar pada pilihan raya ini.

Sambil merakamkan ucapan sya-

bas kepada Wanita BN, Dr. Mahathir berkata, rekod pilihan raya sebelum ini juga menunjukkan bahawa 59 peratus daripada pemilih yang keluar mengundi terdiri daripada kaum wanita.

“Jelas sekali peranan wanita amat penting dalam kempen pilihan raya.

“Wanita perlu keluar beramai-ramai siang dan malam bertemu dengan pengundi, beri penjelasan yang sebenar tentang negara kita supaya mereka mengundi BN,” katanya di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Wanita

BN memainkan peranan yang sangat penting dalam menyedarkan para pengundi wanita supaya menolak Pas, yang katanya jelas menghina golongan itu.

“Wahai wanita, tolaklah Pas yang menganggap wanita hanya berperanan masak nasi untuk suami saja, untuk puaskan nafsu suami saja,” katanya.

Justeru Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau yakin seruannya terhadap kaum wanita itu akan membuatkan Pas mengubah tanggapan mereka terhadap wanita.